



جابتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(99)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2022
PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN DENGAN STATUS NASAB
DAN PERNIKAHAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan Perintah Mahkamah Syariah Berkaitan dengan Status Nasab dan Pernikahan.

2. Mahkamah syariah tidak boleh mengeluarkan perintah kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berkaitan dengan membetul dan/ atau meminda apa-apa maklumat dalam butiran kad pengenalan, sijil lahir atau sebarang dokumen berkaitan dengan identiti seseorang.
3. Perintah mahkamah syariah hanya berbidang kuasa mengisytiharkan status nasab dan status pernikahan/ perkahwinan seseorang.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA